



# Buletin

Rejab 1446H/Januari 2025

# ACIS

## Pemeriksaan Islam dalam Era Digital

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

# Buletin ACIS

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin  
(Rektor)

### Penasihat:

Nasif Sidquee Pauzi  
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

### Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah  
Nasif Sidquee Pauzi  
Dr Mohamad Redha bin Mohamad

### Sidang Pengarang:

Siti Nurhidayah Md Tahir, Prof Madya Dr Mohd Fuad bin  
Sawari & Dr Mohamad Sabri bin Zakaria  
Nurul Nisha Mohd Shah & Mohd Radzman Basinon  
Dr. Hj. Mohd. Kamel bin Mat Salleh  
Siti Husna Abd Rahman, Rafidah Mohd Azli & Nursafra  
Mohd Zhaffar  
Shahril Anuar Abdul Ghalim  
Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah & Normaisarah  
binti Othman  
Dr Mohamad Redha bin Mohamad  
Dr Muhammad Firdaus Bin Abdul Manaf  
Nurul Atikah Binti Poniran

### Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1 70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan

### Keterangan:

Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya  
terhadap artikel yang dihantar dari segi  
ketepatan fakta dan bebas daripada unsur  
plagiat, terjemahan atau  
penyiaran di mana-mana penerbitan.  
Artikel menjadi milik ACIS UiTM Negeri  
Sembilan untuk disunting, dicetak dan  
diterbitkan.

Berminat untuk menerbitkan artikel  
akademik atau kreatif?

Hantarkan ke  
[buletinacisnsdk@gmail.com](mailto:buletinacisnsdk@gmail.com)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca  
budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS  
siri ke-73** pada bulan Januari 2025 yang mempunyai  
e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan  
ini bertemakan “**Pemeriksaan Islam Dalam Era  
Digital**”. Selain itu, bermula Jan 2025 telah  
memperkenalkan satu ruangan baharu yang dinamakan  
**Serambi Wahyu** serta terdapat banyak lagi hasil  
penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini.  
Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat  
kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

## Isi Kandungan

- Fatwa Penggunaan E-Wallet di Malaysia: Satu Analisa **3**
- Media Sosial Memacu Transformasi Dakwah Islam Era  
Digital **5**
- Amalan Muhasabah Diri: 2024 yang ditinggalkan **6**
- Keperluan Syariah Dalam Industri Hotel: Apa yang perlu  
diketahui **8**
- Kritikal Penyiaran: Menggamit Kenangan Drama Radio **11**
- Puisi: Memartabat Bangsa, Menyantuni Rakyat **12**
- Keperibadian Pendakwah yang Memikat Hati **13**
- Khabar Orang Muda IKIMfm **15**
- Bengkel Perancangan Strategik Program Plus Tahfiz **16**
- Program Bicara Santai: Realiti Industri Halal **17**

eISSN 2600-8289



## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini  
diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

# Fatwa

## Penggunaan E-Wallet di Malaysia: Satu Analisa



Oleh:  
**Siti Nurhidayah Md Tahir**  
Pensyarah Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.

**Prof. Madya Dr Mohd Fuad bin Sawari & Dr. Mohamad Sabri Bin Zakaria**

Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, Kulliyah Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan AbdulHamid AbuSulayman, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

*E-wallet* atau e-dompet merupakan inovasi dalam sistem pembayaran digital yang semakin mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Menurut Ordinan Majlis Islam Sarawak (2021), ia ditakrifkan sebagai "*aplikasi wallet yang memerlukan tambah nilai daripada bank, di mana wang tersebut ditukarkan kepada e-money dan disimpan dalam akaun e-wallet untuk tujuan pembayaran secara dalam talian mahupun fizikal.*"

*E-money* atau wang elektronik adalah nilai wang yang disimpan secara elektronik dalam bentuk digital. Ia dikeluarkan atas penerimaan dana bagi tujuan pembayaran. Wang elektronik ini boleh diterima oleh entiti selain daripada pengeluar *e-money* tersebut. Apabila pengguna menambah nilai ke dalam *e-wallet*, wang tunai atau dana dari akaun bank akan ditukar kepada *e-money* pada nilai yang sama. Pada asasnya, digital prabayar yang dipasang pada peranti pintar seperti telefon bimbit atau komputer. Aplikasi ini bukan sahaja menggantikan dompet fizikal tradisional, malah menawarkan kemudahan transaksi tanpa tunai yang lebih efisien dan mudah diakses melalui peranti mudah alih.

Menurut laporan Adyen Index 2024 yang melibatkan kajian ke atas lebih 38,000 pembeli dan 13,000 peniaga di 26 pasaran, Malaysia mencatatkan kadar penggunaan dompet mudah alih tertinggi di dunia. Sebanyak 63 peratus rakyat Malaysia menggunakan kemudahan ini untuk pembelian. Statistik ini mencerminkan transformasi ketara dalam tabiat pembayaran rakyat daripada kaedah tradisional kepada digital (Berita Harian Online, 2024; Farid, 2024). Antara *e-wallet* yang mendapat sambutan di Malaysia ialah GrabPay, Touch 'n Go, Boost, Setel dan ShopeePay, yang masing-masing menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti pembayaran bil, pembelian dalam talian, dan pemindahan wang (Farid, 2024). Kesemua platform ini menawarkan pelbagai insentif seperti pulangan tunai dan ganjaran untuk menarik pengguna, serta mengintegrasikan pelbagai perkhidmatan dalam satu aplikasi bagi memberikan kemudahan dan pengalaman pengguna yang lebih baik.

Selain memudahkan urusan harian, e-wallet turut meningkatkan keselamatan pengguna dengan mengurangkan risiko yang berkaitan dengan pembawaan wang tunai. Dari sudut perundangan, penggunaan *e-wallet* di Malaysia tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759), dengan Bank Negara Malaysia (BNM) diberi mandat untuk mengawal selia dan memantau operasi sistem pembayaran. Secara khusus, Seksyen 43 akta tersebut memperuntukkan;

**"Bank boleh menentukan standard bagi sistem pembayaran-**

**a. bagi menggalakkan keselamatan, integriti, kecekapan atau kebolehpercayaan sistem pembayaran yang ditetapkan...; atau**

**b. demi kepentingan peserta semasa atau bakal peserta sistem pembayaran yang ditetapkan atau pengguna."**

Perlembagaan Persekutuan Malaysia, melalui Jadual Kesembilan, telah memperuntukkan bidang kuasa hal ehwal Islam kepada kerajaan negeri masing-masing seperti yang termaktub dalam Senarai Negeri. Peruntukan ini memberi kuasa perundangan kepada setiap negeri untuk menggubal undang-undang berkaitan hal ehwal Islam mengikut konteks dan keperluan tempatan. Natiujahnya, wujud kepelbagaian dalam Enakmen Undang-Undang Islam antara negeri-negeri di Malaysia, yang turut membawa kepada perbezaan dalam penetapan fatwa bagi sesuatu isu di peringkat negeri (Latif, 2009).

Sehingga kini, terdapat beberapa jawatankuasa fatwa negeri yang telah mengeluarkan ketetapan mengenai penggunaan *e-wallet*, antaranya:

### Selangor

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali ke-5/2019 yang bersidang pada 30 Oktober 2019; "*Pembayaran zakat melalui ejen saluran pembayaran iaitu Touch 'n' Go dan Boost yang menyediakan perkhidmatan E-Wallet dan Kod Quick Response (QR) adalah **harus** menurut Hukum Syarak*"

### Kedah

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang bersidang pada 8 November 2020; "*Hukum penggunaan aplikasi e-wallet dalam transaksi digital adalah **diharuskan**...*"



## Pulau Pinang

Unit Tugas-Tugas Khas Zakat Pulau Pinang yang diterbitkan pada tahun 2021;

“(i) Hukum menggunakan aplikasi e-wallet sebagai alat pembayaran kutipan zakat di Pulau Pinang adalah **harus** dengan syarat dipastikan penyedia/syarikat aplikasi e-wallet adalah patuh syariah.

(ii) Bersetuju dengan permohonan Shopee sebagai platform e-wallet pembayaran zakat di Pulau Pinang dan hukumnya adalah **harus...**”

## Sarawak

Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 di bawah seksyen 37, berkuat kuasa pada 1 Februari 2021;

“(1) Hukum penggunaan e-wallet mengikut perspektif syarak adalah **diharuskan...**”

## Perak

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 4 Ogos 2021;

“Penggunaan e-wallet adalah **diharuskan** dengan syarat...”

## Pahang

Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang (JPHSNP) Bilangan 03/2022 yang bersidang pada 3 & 4 Ogos 2022;

“Penggunaan e-wallet adalah **diharuskan** dengan syarat menepati parameter yang ditetapkan seperti berikut:

1. Urus niaga melibatkan transaksi digital hendaklah dilakukan melalui operator e-wallet yang diluluskan dan dikawal selia oleh pihak berautoriti dan patuh syariah sahaja.
2. Pengguna dan operator hendaklah mempunyai pengetahuan berkenaan e-wallet, memahami hak tanggungjawab mereka selaku pihak yang berakad.
3. Dalam pematuhan transaksi ini, operator dinasihatkan untuk mendapatkan khidmat nasihat syariah daripada Penasihat Syariah yang bertaualiah...”

Berdasarkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan, kesemua negeri yang telah mengeluarkan ketetapan - Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Sarawak, Perak dan Pahang - membenarkan penggunaan e-wallet dengan syarat-syarat tertentu bagi memastikan pematuhan kepada prinsip syariah. Khususnya, Pulau Pinang memberi penekanan kepada keperluan pematuhan syariah sepenuhnya bagi e-wallet yang digunakan dalam urusan pembayaran zakat.

Analisis terhadap fatwa-fatwa dari negeri Kedah, Perak, Pahang dan Sarawak menunjukkan bahawa terdapat dua pihak utama yang perlu memainkan peranan dalam memastikan transaksi digital melalui e-wallet mematuhi hukum Islam iaitu: **Tanggungjawab Operator E-Wallet:** Operator e-wallet memikul tanggungjawab utama untuk memastikan operasi mereka mematuhi prinsip dan peraturan syariah di bawah pengawasan pihak berkuasa yang berkaitan. Dalam hal ini, operator perlu mendapatkan khidmat nasihat daripada penasihat syariah yang bertaualiah bagi memastikan kepatuhan kepada garis panduan yang ditetapkan. Setiap kontrak dan implikasinya kepada pengguna perlu dinyatakan dengan jelas untuk mengelakkan sebarang kekeliruan. Di samping itu, operator bertanggungjawab menyediakan mekanisme pemulangan wang yang cekap, terutamanya dalam kes penutupan akaun atau kematian pengguna di mana wang tersebut perlu dipulangkan kepada waris yang sah.

**Tanggungjawab Pengguna E-Wallet:** bertanggungjawab untuk memahami secara mendalam cara penggunaan e-wallet serta hak dan tanggungjawab mereka dalam transaksi digital. Pengguna perlu memiliki pengetahuan asas berkaitan transaksi digital dan sentiasa peka semasa menggunakan e-wallet untuk memastikan kesahihan setiap transaksi yang dilakukan. Selain itu, pengguna disarankan untuk mengutamakan penggunaan diiktiraf patuh syariah bagi memastikan setiap transaksi yang dilakukan adalah selaras dengan prinsip-prinsip Islam.

Di Malaysia, terdapat beberapa pilihan e-wallet yang telah diiktiraf sebagai patuh Syariah, antaranya MAE (Maybank e-Wallet), PayHalal, dan Touch 'n Go eWallet GO+. Selain itu, terdapat juga e-wallet yang menawarkan perkhidmatan “Buy Now, Pay Later” (BNPL), seperti Boost PayFlex dan SPayLater. Pilihan-pilihan ini menyediakan alternatif kepada pengguna yang mengutamakan aspek pematuhan Syariah dalam urusan kewangan digital mereka.

Kesimpulannya, penggunaan e-wallet di Malaysia telah mendapat pengiktirafan daripada pelbagai Jawatankuasa Fatwa Negeri, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang menjamin pematuhan Syariah. Perkembangan ini membuktikan keanjalan hukum Islam dalam menghadapi evolusi teknologi kewangan moden, selaras dengan kaedah fiqh “*al-asl fi al-mu’amalat al-ibāhah hatta yadull al-dalil ‘ala al-tahrim*” sehingga ada dalil yang menunjukkan pengharamannya. Firman Allah Taala dalam surah al-Hasyr ayat 7 yang bermaksud: “...Dan apa yang dilarang bagimu maka tinggalkanlah...”

Dalam konteks e-wallet, tiada nas yang mengharamkan penggunaannya secara khusus, malah analisis terhadap fatwa dari enam negeri menunjukkan keharusannya dengan syarat mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Keberkesanan sistem e-wallet yang patuh Syariah bergantung kepada kerjasama erat antara operator dan pengguna dalam menunaikan tanggungjawab masing-masing, bagi memastikan setiap transaksi digital yang dilaksanakan bukan sahaja mematuhi prinsip Syariah, malah memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan.

## Rujukan

- Berita Harian Online. (2024, Mei 28). “Rakyat Malaysia pengguna dompet mudah alih tertinggi di dunia.”  
Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2019, Oktober 27). ‘Pembayaran zakat melalui perkhidmatan e-wallet dan kod quick response (QR).’  
Jabatan Mufti Negeri Kedah. (2020, November). ‘Hukum penggunaan e-wallet menurut perspektif syarak.’  
Jabatan Mufti Negeri Perak. (2021, Ogos). ‘Penggunaan e-wallet mengikut perspektif syarak.’  
Jabatan Mufti Negeri Pahang. (2022, Ogos). ‘Penggunaan e-wallet mengikut perspektif syarak.’  
Latif, H. H. M. (2009). Undang-undang Islam dalam perlembagaan Malaysia: Kewajarannya berdasarkan faktor sejarah perundangan Tanah Melayu. *Journal of Governance and Development (JGD)*, 5, 22-47.  
Ordinan Majlis Islam Sarawak. (2021, Februari). ‘Fatwa hukum penggunaan e-wallet mengikut perspektif syarak.’  
Zakat Pulau Pinang. (2021). ‘Kajian hukum pembayaran zakat melalui e-wallet di zakat pulau pinang.’

# Media Sosial Memacu Transformasi Dakwah Islam Era Digital



Oleh:  
**Nurul Nisha Mohd Shah**  
Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian  
Media, UiTM Cawangan Negeri Sembilan,  
Kampus Rembau.



**Mohd Radzman Basiron**  
Pengarah Kreatif, Sixtysix Action Academy

Dalam era digital yang pesat berkembang ini, media sosial telah menjadi platform utama komunikasi dan penyebaran maklumat. Fenomena ini membuka peluang besar untuk menyampaikan mesej dakwah Islam kepada generasi muda secara lebih efektif dan meluas. Namun, fenomena ini juga membawa cabaran tersendiri yang perlu ditangani dengan bijak.

Peluang yang terbuka luas melalui media sosial untuk dakwah kontemporari tidak boleh dipandang ringan. Menurut statistik terkini, lebih 80% rakyat Malaysia adalah pengguna aktif media sosial, dengan purata masa penggunaan harian melebihi tiga jam. Keadaan ini memberikan akses yang sangat luas kepada para pendakwah untuk menjangkau penonton sasaran mereka, terutamanya golongan muda.

Salah satu strategi kreatif yang boleh digunakan ialah penghasilan kandungan visual yang menarik. Infografik, video pendek, dan "meme" Islamik yang direka dengan baik mampu menyampaikan mesej dakwah dengan cara yang mudah difahami dan diingati. Video-video dakwah pendek berdurasi sekitar satu minit yang semakin popular di platform seperti TikTok dan *Instagram Reels* telah berjaya menarik jutaan tontonan. Situasi ini membuktikan keberkesanan format ringkas dan padat dalam menyampaikan ilmu agama kepada generasi muda.

Walau bagaimanapun, cabaran utama dalam memanfaatkan media sosial untuk dakwah ialah persaingan dengan lambakan maklumat dan hiburan. Para pendakwah perlu bijak dalam merancang strategi untuk menonjolkan kandungan mereka. Penggunaan teknik "*storytelling*" yang berkesan, pengoptimuman hashtag, dan kolaborasi dengan pengengaruh Muslim boleh membantu meningkatkan jangkauan dakwah di media sosial.

Etika berkomunikasi dalam talian juga merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian. Para pendakwah harus mengekalkan adab dan akhlak Islam walaupun berhadapan dengan provokasi atau kritikan. Pendekatan yang lembut namun tegas, seperti yang dianjurkan dalam konsep

"*qaulan layyina*" (perkataan yang lemah-lembut) dalam Al-Quran, harus menjadi panduan dalam interaksi di media sosial.

Cabaran lain yang perlu ditangani ialah penyebaran maklumat palsu atau "*fake news*". Menurut kajian oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), lebih 60% rakyat Malaysia pernah terdedah kepada berita palsu di media sosial. Oleh yang demikian, para pendakwah perlu memainkan peranan aktif dalam membetulkan salah faham dan menyebarkan maklumat yang tepat berdasarkan sumber-sumber yang sah.

Walaupun platform media sosial telah membuka peluang besar untuk dakwah namun ia juga boleh menjadi pedang bermata dua jika tidak digunakan dengan bijak. Risiko utama yang dihadapi oleh pendakwah dalam era digital ini ialah kemungkinan mesej dakwah disalahertikan atau dipermudahkan secara berlebihan. Hal ini sering berlaku apabila terdapat usaha untuk menjadikan sesuatu kandungan "viral" tanpa mengambil kira kedalaman atau ketepatan mesej yang ingin disampaikan. Cabaran besar bagi para pendakwah ialah untuk mencapai keseimbangan antara menarik perhatian penonton dan pada masa yang sama mengekalkan integriti mesej Islam. Oleh itu mereka perlu bijak dalam memilih kandungan dan cara penyampaian agar tidak mengorbankan kesahihan dan kedalaman ajaran Islam namun tetap relevan dan menarik untuk generasi muda yang celik digital.

Kesimpulannya, memanfaatkan media sosial untuk dakwah kontemporari membuka peluang besar namun turut membawa cabaran yang kompleks. Para pendakwah perlu meningkatkan kemahiran digital mereka, di samping mengekalkan asas ilmu dan adab Islam yang kukuh. Berbekalkan pendekatan yang strategik dan inovatif, media sosial boleh menjadi alat yang sangat berkesan untuk menyebarkan mesej Islam kepada generasi muda, sekaligus memperkukuhkan pemahaman dan pengamalan agama dalam era digital ini.

# Amalan Muhasabah Diri: 2024 yang ditinggalkan



Oleh:

**Dr. Mohd Kamel bin Mat Salleh**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Amalan bermuhasabah atau menilai diri amat dituntut oleh Allah S.W.T. kepada semua manusia. Tanpa sebarang pengecualian, ia wajar menjadi amalan setiap individu samada pemimpin, majikan, pekerja, suami, isteri, anak dan sebagainya. Selain daripada untuk meningkatkan lagi kualiti hidup ia adalah sebagai satu kaedah mengatasi dan memperbaiki kelemahan, kekurangan dan kecacatan diri.

Seseorang yang sentiasa menilai diri, menginsafi kesalahan dan kekurangan lantas melakukan perubahan yang positif ke arah kebaikan yang dikehendaki agama adalah lebih baik daripada mereka yang ego dan sombong yang tidak pernah mengakui kesilapan diri sendiri.

Menurut perspektif Islam, muhasabah adalah satu jalan untuk menyelamatkan seseorang daripada ditimpa bencana dan kesusahan hidup di dunia demi keselamatan hidup di hari akhirat kelak. Untuk mendapat ganjaran pahala yang besar sewaktu hitungan amalan di mahsyar tidak akan dapat dicapai jika manusia merasakan dirinya sentiasa baik dan tidak berusaha untuk mencapai sesuatu yang lebih baik dalam hidupnya. Maka dengan sebab itu apabila seseorang itu bermuhasabah, akan dapat dirasakan betapa kurang dan lemah dirinya di hadapan Allah malah dia akan sentiasa meningkatkan amalannya untuk lebih berjaya.

Galakan bermuhasabah dirakamkan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran yang bermaksud "*wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang akan dilakukan untuk hari esok (akhirat)*" (Surah al-Hasyr: 18).

Ayat tersebut menjelaskan bahawa seseorang itu hendaklah sentiasa memikirkan apa yang sepatutnya dilakukan berdasarkan apa yang telah dilaksanakan sebelumnya kerana perancangan yang teliti hasil dari muhasabah akan membuahkan hasil yang lebih baik.

Lantaran itulah Saidina Umar al-Khattab pernah berkata melalui kata-katanya yang masyhur "*hisablah (hitunglah) dirimu sebelum engkau dihisab oleh Allah di hari akhirat kelak*".

Jelas menunjukkan bahawa individu muslim yang inginkan kebaikan dalam hidup hendaklah sentiasa menghitung dirinya dari sudut kelemahan dan kekurangan dirinya bukannya menghitung segala kebaikan yang pernah dilakukan. Jika dihitung amalan kebaikan semata-mata sudah pasti tiada keaiban diri yang disedari tetapi jika kecacatan diri sendiri yang diperhati, maka sudah pasti

seseorang itu akan berusaha menghilangkan keburukan itu agar diganti dengan kecantikan diri.

Ia menuntut untuk menghadirkan rasa keinsafan diri tentang seribu macam kelemahan dan keaiban yang dimilikinya. Seeloknya ialah dengan menyenaraikan keaiban dirinya sekadar yang mampu. Jika kaedah ini tidak berjaya, cubalah minta pandangan daripada orang lain akan kekurangan diri kita sendiri kerana tidak ramai manusia yang nampak kelemahan dirinya melainkan kecacatan itu dikesan nampak oleh orang lain.

Dalam ilmu tasawuf ada digariskan empat kaedah bagaimana untuk melihat keaiban peribadi sendiri agar lebih mudah muhasabah diri dilakukan:

- 1. Duduk bersama dengan orang alim atau menghadiri majlis yang dihadiri bersama golongan ulama.** Ini menyebabkan seseorang itu akan merasakan betapa kerdil dan kurang dirinya berbanding dengan orang alim.
- 2. Meminta kepada sahabat yang diyakini baik dan mulia** budi pekerti memberi pandangan ikhlas tentang kecacatan dirinya.
- 3. Mengambil kira pandangan orang lain yang membenci atau memusuhinya yang pernah menyatakan tentang keaiban dirinya.** Biasanya orang yang membenci seseorang hanya akan menceritakan keaiban orang yang dibencinya. Maka apabila diterima perkhabaran seumpama itu, buatlah muhasabah ke atas diri mungkin keaiban itu ada benarnya.
- 4. Bercampur gaul dengan orang ramai,** apabila nampak kecacatan orang lain, cuba bayangkan bahawa orang lain juga nampak dan melihat kecacatan kita. Lihatlah keaiban orang seolah-olah keaiban itu juga ada pada diri kita.

Hendaknya orang yang mendedahkan kelemahan itu tidak mendedahkan aib orang lain dengan cara yang tidak berhemah, sebaliknya hendaklah melalui pendekatan dakwah yang penuh diplomasi supaya pendedahan itu dapat diterima dengan hati yang terbuka.

Saidina Umar al-Khattab sendiri sebagai Amir al-Mukminun selalu meminta daripada orang ramai supaya menyatakan kekurangan dirinya. Tujuannya ialah untuk diperbaiki kesilapan yang beliau sendiri tidak menyedarinya. Lembaran sirah mencatatkan bahawa saidina Umar pernah ditegur oleh wanita dalam persoalan menghadkan jumlah mahar.

Orang yang ditegur juga perlu berlapang dada jika teguran tersebut dikemukakan. Hendaklah diterima kritikan itu dengan niat untuk memperbaiki diri kerana jika pandangan tersebut ditolak, maka selama-lamanya manusia tidak akan berubah dan tidak mahu menerima kritikan dari orang lain.

Dengan sebab itulah dalam sistem politik dan pentadbiran Islam adanya konsep 'hisbah' yang bermaksud mencongak, menyemak dan menilai pencapaian diri dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pemerintahan dan pentadbiran yang telah diamanahkan.

Beberapa prinsip hisbah dalam bidang siasah syariaah antara lainnya ialah:

1. Mengawal, menyemak dan mengemas kini sistem pemerintahan dan pentadbiran supaya dapat dipertingkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan khidmat yang diberikan kepada rakyat.
2. Menilai pencapaian prestasi dalam pentadbiran dan pengurusan supaya kelemahan, kekurangan dan kesilapan diri dapat diatasi dan dibaiki.
3. Mengukur kejayaan pemerintahan dan pentadbiran supaya pelaksanaan perancangan menepati kehendak sasaran dan memenuhi matlamat yang diinginkan.
4. Mengesan serta mengenalpasti masalah dan kesulitan yang menyebabkan kegagalan, merancang tindakan dan mengatur strategi bagi mencari penyelesaian untuk mencapai kejayaan.
5. Mengetahui kesilapan dan kesalahan diri supaya dapat dilakukan pembetulan dan memastikan permasalahan yang sama tidak akan berulang lagi.
6. Meninjau pandangan, pendapat dan komen rakyat terhadap sesuatu dasar atau rancangan yang diperkenalkan dan dilaksanakan oleh pemerintah atau pemimpin dalam pemerintahan dan pentadbiran.
7. Menyemak perkembangan serta mengikuti perubahan bagi menentukan kejayaan pelaksanaan sesuatu dasar atau perancangan.
8. Mencegah dan membendung gejala-gejala buruk, amalan yang tidak sihat dan perbuatan salah laku yang dihadapi dalam menerajui pemerintahan dan pentadbiran.

Walaupun konsep hisbah ini lebih kepada urusan politik dan pemerintahan, namun ruang lingkup muhasabah tidak harus diperkecilkan kepada bidang itu sahaja malah perlu dikaitkan dalam apa jua bidang pekerjaan dan kepada sesiapa sahaja lebih-lebih lagi sebagai persiapan menuju ke alam akhirat.

Setiap pekerjaan yang dilakukan hendaklah disertakan dengan muhasabah dan tidak sewajarnya berpuas hati begitu sahaja. Apabila muhasabah dijadikan cermin diri, kualiti amal akan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa yang akhirnya akan membuahkan amalan yang lebih baik.

2024 yang ditinggalkan dan 2025 yang baru menjelma perlulah dihiasi dengan azam untuk mempertingkatkan amalan serta menjadi muslim yang lebih baik. Berikut adalah beberapa amalan bermuhasabah diri yang boleh dilakukan secara konsisten:

#### **Merengung dan menilai amal perbuatan setiap hari:**

Luangkan masa untuk memikirkan segala perbuatan yang telah dilakukan sepanjang hari. Apakah ia mendekatkan diri kepada Allah atau menjauhkan diri daripadanya? Adakah kita telah berbuat baik kepada sesama manusia? Dengan muhasabah diri, kita dapat mengenal pasti kelemahan dan kekurangan dalam kehidupan.

**Istighfar dan taubat:** Memohon ampun kepada Allah adalah amalan yang sangat disarankan dalam muhasabah diri. Setiap kali kita tersilap atau terlanjur, kita hendaklah segera memohon ampun dan bertaubat. Allah Maha Pengampun dan membuka pintu taubat seluas-luasnya.

**Menilai tujuan hidup:** Kita perlu merenung tujuan hidup kita yang sebenar. Apakah matlamat kita dalam hidup? Adakah kita hidup untuk mendapatkan redha Allah atau sekadar mengejar duniawi? Bermuhasabah diri membantu kita kembali kepada matlamat hidup yang sebenar.

**Memperbaiki ibadah:** Salah satu aspek penting dalam bermuhasabah adalah menilai ibadah kita. Adakah solat kita khusyuk? Adakah kita menunaikan kewajipan agama dengan penuh keikhlasan? Kita perlu berusaha untuk memperbaiki kekurangan dalam ibadah agar lebih sempurna dan diterima oleh Allah.

**Menghadapi ujian dengan sabar:** Apabila diuji dengan ujian hidup, muhasabah diri membantu kita untuk bersabar dan belajar daripada pengalaman tersebut. Kita boleh bertanya pada diri sendiri, "Apa pengajaran yang boleh diambil daripada ujian ini?" dan berusaha untuk lebih tabah serta berfikiran positif.

**Mengekalkan hubungan baik dengan orang lain:** Dalam bermuhasabah diri, kita juga perlu menilai hubungan kita dengan orang lain. Apakah kita sudah berlaku baik kepada keluarga, sahabat, dan masyarakat? Adakah kita berlaku adil dan tidak menyakiti hati orang lain? Amalan ini membantu memperbaiki hubungan sosial dan menjadikan kita lebih empati.

**Melakukan refleksi diri secara rutin:** Sebaiknya, muhasabah diri dilakukan secara rutin, seperti pada waktu pagi sebelum memulakan aktiviti atau sebelum tidur. Ini memberi peluang kepada kita untuk mengenal pasti kesilapan dan menetapkan niat yang lebih baik untuk hari esok.

## SERAMBI WAHYU

Telah berkata Syeikh Ibrahim al-Samannudi mengenai rukun tajwid:

أركانہ معرفۃ المخارج # كذا الصفات ثم أحكام تجي  
وهكذا رياضة والأخذ عن # أفواه عاربه خمسة تعن

Maksudnya: *Rukun tajwid (ada lima) adalah mengetahui makhraj huruf, mengetahui sifat asal huruf (hak), mengetahui sifat mendatang huruf (mustahak), memperbanyak latihan membaca al-Quran, dan mengambil bacaan dari guru yang mutqin (talaqqi secara musyafahah).*

-Dr. Redha-



# Keperluan Syariah Dalam Industri Hotel: Apa yang perlu diketahui



Oleh:  
**Siti Nur Husna Abd Rahman**  
Pensyarah Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri  
Sembilan, Kampus Rembau.

## **Dr. Rafidah Mohd Azli**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.

## **Dr. Nursafra Mohd Zhaffar**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Industri pelancongan dan perhotelan semakin berkembang dengan pesat, khususnya di negara-negara yang menerima kunjungan ramai pelancong Muslim. Menurut laporan oleh Thomson Reuters (2019), permintaan terhadap kemudahan yang patuh syariah semakin meningkat seiring dengan peningkatan kesedaran dan keperluan pelancong Muslim untuk mendapatkan perkhidmatan yang selari dengan ajaran Islam. Keperluan ini mendorong industri hotel untuk menyediakan perkhidmatan yang bukan sahaja memenuhi standard kualiti biasa, tetapi juga selaras dengan prinsip syariah (Henderson, 2016).

Konsep hotel patuh syariah meliputi pelbagai aspek, termasuk penyediaan makanan halal, kemudahan beribadah, serta perkhidmatan yang menjaga kesopanan dan keselesaan semua pihak (Samori, Md Salleh, & Khalid, 2016). Namun, banyak pihak dalam industri ini mungkin masih kabur tentang kriteria yang perlu dipenuhi bagi mencapai status patuh syariah yang autentik (Razalli, Abdullah, & Hassan, 2012). Artikel ini bertujuan untuk memberi panduan asas mengenai keperluan-keperluan syariah dalam industri hotel serta kepentingannya dalam memenuhi harapan pelancong Muslim di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

### **KRITERIA PATUH SYARIAH**

Hotel yang memenuhi piawaian syariah bukan sahaja menawarkan kemudahan seperti hotel konvensional tetapi juga menambah baik perkhidmatan dan fasiliti yang mematuhi prinsip Islam. Kriteria patuh syariah dalam industri hotel merangkumi beberapa aspek utama yang penting untuk dipenuhi:

**Penyediaan Makanan Halal.** Makanan halal merupakan keperluan asas dalam hotel patuh syariah, yang mana semua makanan dan minuman yang disediakan haruslah bebas daripada bahan-bahan yang haram menurut hukum Islam (Henderson, 2016). Pengiktirafan sijil halal dari badan yang

bertauliah adalah penting bagi meyakinkan pelanggan tentang kualiti dan kesucian makanan yang disediakan (Razalli, Abdullah, & Hassan, 2012).

**Kemudahan Solat dan Ibadah.** Hotel patuh syariah menyediakan ruang khusus untuk solat, lengkap dengan penunjuk arah kiblat dan kemudahan berwuduk. Dalam kajian oleh Battour, Ismail, dan Battor (2011), kemudahan ini dikaitkan dengan peningkatan kepuasan pelanggan Muslim, kerana ia memudahkan mereka menjalankan ibadah harian dengan selesa dan tanpa gangguan.

**Pemeliharaan Kesopanan dan Privasi.** Pengasingan ruang bagi lelaki dan wanita, seperti kolam renang dan gimnasium, adalah satu lagi aspek penting dalam hotel patuh syariah (Samori, Md Salleh, & Khalid, 2016). Ini membolehkan pelanggan Muslim menikmati kemudahan dengan rasa selamat dan terjamin, mengikut adab dan batas syariah.

**Struktur Pengurusan dan Latihan Kakitangan.** Menurut Salleh, Abdullah, dan Razali (2019), keperluan syariah juga meliputi struktur pengurusan hotel yang bertanggungjawab dan memiliki kefahaman mengenai syariah. Latihan yang diberikan kepada kakitangan untuk memahami keperluan asas pelanggan Muslim dan melayan mereka dengan penuh hormat menjadi faktor penting dalam mencapai tahap patuh syariah yang sebenar.

**Pematuhan Kepada Prinsip Maqasid Syariah.** Dalam konteks hotel patuh syariah, prinsip Maqasid Syariah dilaksanakan untuk memastikan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan bukan sahaja memenuhi keperluan ibadah tetapi juga aspek keselesaan dan kesejahteraan para tetamu (Razalli, Abdullah, & Hassan, 2012). Ini merangkumi keselamatan, keselesaan, dan suasana harmoni yang menyumbang kepada pengalamar positif pelanggan Muslim.

**Rekaan dan Hiasan Dalaman yang Patuh Syariah.** Rekaan hotel patuh syariah menitikberatkan kesederhanaan dan mengelakkan penggunaan elemen-elemen yang berlebihan atau bercirikan budaya yang bertentangan dengan prinsip Islam, seperti patung atau lukisan yang memaparkan imej manusia dan haiwan (Zamani-Farahani & Henderson, 2010). Pemilihan hiasan yang sopan dan minimalis mewujudkan suasana harmoni yang sesuai untuk tetamu Muslim.

**Ketiadaan Alkohol di Premis Hotel.** Hotel patuh syariah biasanya tidak menyediakan atau menjual minuman beralkohol di dalam premis, kerana alkohol adalah dilarang dalam Islam (Din, 1989). Sesetengah hotel patuh syariah menawarkan minuman alternatif seperti jus buah-buahan, minuman tradisional, dan minuman ringan sebagai ganti kepada minuman keras (Razalli et al., 2012).



**Penawaran Hiburan yang Mesra Syariah.** Hiburan di hotel patuh syariah ditawarkan dengan pematuhan kepada etika dan nilai-nilai Islam. Program hiburan seperti persembahan muzik atau televisyen diatur agar sopan dan tidak mengandungi unsur-unsur yang melanggar hukum Islam (Henderson, 2016). Hiburan berbentuk pendidikan dan pencerahan agama turut menjadi pilihan di hotel jenis ini.

**Maklumat dan Panduan Agama.** Bahan bacaan agama seperti Al-Quran, risalah doa, dan panduan ibadah harian sering kali disediakan di bilik hotel sebagai sebahagian daripada ciri patuh syariah (Battour et al., 2014). Panduan waktu solat serta lokasi masjid berdekatan turut disediakan untuk kemudahan pelanggan Muslim menjalankan ibadah.

**Pematuhan kepada Peraturan Pakaian bagi Kakitangan.** Hotel patuh syariah memastikan kakitangan berpakaian sopan dan menutup aurat, selaras dengan prinsip Islam. Pakaian seragam yang memenuhi syarat-syarat ini menampilkan imej profesional yang dihormati serta mencerminkan identiti Islam (Samori, Md Salleh, & Khalid, 2016).

### **CABARAN DAN PENYELESAIAN DALAM MELAKSANAKAN HOTEL PATUH SYARIAH**

Industri hotel patuh syariah menghadapi pelbagai cabaran dalam memenuhi kehendak dan jangkaan pelanggan Muslim, serta memastikan perkhidmatan yang disediakan menepati prinsip syariah. Berikut adalah beberapa cabaran utama dan penyelesaian yang boleh diambil:

#### **Cabaran dalam Memenuhi Standard Patuh Syariah yang Menyeluruh**

Memastikan semua aspek hotel, dari makanan hingga kemudahan, mematuhi syariah adalah cabaran besar bagi pengusaha hotel. Sebahagian pengusaha masih kabur mengenai kriteria patuh syariah yang sebenar, terutama yang melibatkan perkhidmatan dan kemudahan yang tidak biasa dalam hotel konvensional (Razalli, Abdullah, & Hassan 2012).

**Penyelesaian:** Latihan intensif dan penubuhan panel penasihat syariah dalam hotel boleh membantu memastikan hotel beroperasi mengikut standard yang ditetapkan (Salleh et al., 2019).

#### **Kos Tinggi untuk Menyediakan Kemudahan dan Latihan Patuh Syariah**

Pelaksanaan standard patuh syariah memerlukan perbelanjaan tambahan, terutama dalam melatih kakitangan, membina kemudahan seperti ruang solat, dan mendapatkan sijil halal untuk makanan dan minuman (Henderson, 2016). Ini boleh menjadi beban bagi pengusaha hotel yang baru memasuki pasaran ini.

**Penyelesaian:** Bekerjasama dengan organisasi halal dan mencari bantuan kerajaan atau dana yang menyokong industri halal dapat mengurangkan kos permulaan dan operasi.

#### **Kekurangan Tenaga Kerja Berkemahiran dalam Sektor Patuh Syariah**

Ramai kakitangan hotel mungkin kurang memahami keperluan syariah, dan ini menyebabkan mereka kurang efektif dalam menyediakan perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan Muslim (Samori, Md Salleh, & Khalid, 2016).

**Penyelesaian:** Menyediakan latihan khusus untuk kakitangan dalam aspek patuh syariah, serta mendapatkan nasihat daripada penasihat syariah dalam sektor hospitaliti, boleh membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan.

### **Kurangnya Kesedaran di Kalangan Pelanggan Non-Muslim**

Pengusaha hotel patuh syariah mungkin menghadapi cabaran dalam menarik pelanggan non-Muslim kerana mereka kurang memahami konsep ini atau beranggapan perkhidmatan patuh syariah hanya untuk pelanggan Muslim (Battour et al., 2014).

**Penyelesaian:** Promosi yang efektif yang menerangkan manfaat patuh syariah kepada semua pelanggan, seperti persekitaran yang bersih dan layanan yang baik, boleh menarik pelanggan non-Muslim.

### **Cabaran dalam Pemasaran dan Penjenamaan**

Menonjolkan identiti sebagai hotel patuh syariah di tengah persaingan dengan hotel konvensional memerlukan strategi pemasaran yang berkesan. Ini sering menjadi cabaran kerana sesetengah hotel beranggapan mereka mungkin kehilangan pelanggan yang bukan Muslim (Din, 1989).

**Penyelesaian:** Hotel boleh menggunakan strategi pemasaran inklusif yang menonjolkan keunikan dan manfaat bagi semua pelanggan tanpa mengabaikan prinsip syariah. Penekanan pada nilai-nilai universal seperti kebersihan, ketenangan, dan keselesaan boleh membantu dalam menarik minat pelanggan daripada pelbagai latar belakang.

### **IMPAK KEPADA PELANGGAN**

Pelaksanaan kriteria patuh syariah dalam industri hotel memberikan impak yang signifikan kepada pengalaman pelanggan, terutama pelanggan Muslim. Beberapa impak utama termasuk:

#### **Peningkatan Kepuasan dan Kesetiaan Pelanggan Muslim**

Hotel patuh syariah memberikan kemudahan dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan ibadah dan gaya hidup pelanggan Muslim, seperti kemudahan solat dan makanan halal (Battour, Ismail, & Battor, 2011). Ini menyumbang kepada kepuasan pelanggan yang lebih tinggi dan membina kesetiaan mereka terhadap hotel tersebut, di mana pelanggan merasa dihargai dan disediakan perkhidmatan yang sesuai dengan prinsip agama mereka.

#### **Menarik Minat Pelanggan Non-Muslim yang Mencari Persekitaran Mesra Keluarga**

Selain pelanggan Muslim, hotel patuh syariah juga menarik minat pelanggan non-Muslim yang menghargai persekitaran yang bersih, mesra keluarga, dan bebas dari alkohol (Henderson, 2016). Oleh itu, hotel patuh syariah dapat memenuhi keperluan pelanggan dari pelbagai latar belakang yang mencari suasana yang harmoni dan selamat.

#### **Pengalaman Menginap yang Lebih Nyaman dan Aman**

Dengan menyediakan perkhidmatan yang menjaga kesopanan dan privasi, pelanggan dapat menikmati suasana yang tenang dan selamat sepanjang penginapan mereka (Samori, Md Salleh, & Khalid, 2016). Contohnya, pengasingan fasiliti seperti kolam renang dan spa mengikut gender dapat memberikan rasa nyaman dan aman kepada pelanggan Muslim, khususnya wanita.

#### **Memperoleh Keyakinan Terhadap Hotel yang Mematuhi Nilai-nilai Islam**

Bagi pelanggan Muslim, kesediaan hotel untuk mematuhi nilai dan prinsip Islam mencerminkan komitmen terhadap integriti dan kejujuran dalam perkhidmatan (Zamani-Farahani & Henderson, 2010). Keyakinan ini memberi kelebihan kepada hotel patuh syariah, kerana pelanggan lebih cenderung untuk menginap dan

### **Pembentukan Pengalaman Penginapan yang Holistik dan Bermakna**

Hotel patuh syariah sering menawarkan perkhidmatan tambahan seperti panduan ibadah dan bahan bacaan Islam, yang menambah nilai kepada pengalaman pelanggan (Salleh, Abdullah, & Razali, 2019). Pengalaman ini bukan sekadar penginapan, tetapi juga sebagai platform untuk pelanggan meningkatkan pengetahuan dan menjalankan amalan agama, menjadikan penginapan mereka lebih bermakna.

### **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, permintaan terhadap hotel patuh syariah semakin meningkat seiring dengan kesedaran masyarakat Muslim mengenai keperluan untuk mematuhi prinsip-prinsip Islam dalam setiap aspek kehidupan, termasuk penginapan. Pelaksanaan kriteria patuh syariah bukan sahaja memberi manfaat kepada pelanggan Muslim yang mencari suasana yang sesuai dengan nilai-nilai Islam, tetapi juga menarik minat pelanggan non-Muslim yang mengutamakan persekitaran mesra keluarga dan bebas daripada elemen yang bertentangan dengan nilai universal. Walaupun terdapat cabaran dalam melaksanakan konsep hotel patuh syariah, usaha ini boleh memberi kelebihan yang signifikan dari segi kepuasan dan kesetiaan pelanggan, serta memperkukuh imej hotel dalam pasaran yang kompetitif. Dengan pemahaman yang mendalam mengenai keperluan syariah dan komitmen terhadap penyediaan perkhidmatan yang berkualiti, industri perhotelan dapat menyediakan pengalaman yang holistik dan bermanfaat kepada pelanggan.

Oleh itu, artikel ini diharap dapat memberi panduan kepada pihak industri dalam mengenali dan mengatasi cabaran dalam menyediakan perkhidmatan hotel patuh syariah, sekaligus menyumbang kepada pembangunan industri hospitaliti yang lebih inklusif dan selari dengan keperluan pelancong Muslim dan pelanggan dari pelbagai latar belakang.

### **RUJUKAN**

- Battour, M., Ismail, M. N., & Battor, M. (2011). The impact of destination attributes on Muslim tourist's choice. *International Journal of Tourism Research*, 13(6), 527-540.
- Din, K. H. (1989). Islam and tourism: Patterns, issues, and options. *Annals of Tourism Research*, 16(4), 542-563.
- Henderson, J. C. (2016). Halal food, certification and halal tourism: Insights from Malaysia and Singapore. *Tourism Management Perspectives*, 19, 160-164.
- Razalli, M. R., Abdullah, S., & Hassan, M. G. (2012). Developing a model for Islamic hotels: Evaluating opportunities and challenges. *Journal of Hospitality and Tourism Management*, 19, 52-63.
- Salleh, M. S., Abdullah, N., & Razali, M. (2019). Islamic tourism: The characteristics and expanding market. *International Journal of Management and Applied Research*, 6(4), 415-426.
- Samori, Z., Md Salleh, N. Z., & Khalid, M. M. (2016). Current trends on halal tourism: Cases on selected Asian countries. *Tourism Management Perspectives*, 19, 131-136.
- Thomson Reuters. (2019). *State of the Global Islamic Economy Report 2018/19*. Dubai: Dubai Islamic Economy Development Centre.
- Zamani-Farahani, H., & Henderson, J. C. (2010). Islamic tourism and managing tourism development in Islamic societies: The cases of Iran and Saudi Arabia. *International Journal of Tourism Research*, 12(1), 79-89.

# Kritikal Penyiaran: Menggamit Kenangan Drama Radio



Oleh:  
**Shahril Anuar Abdul Ghalim**  
Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan  
Pengajian Media (FKPM),  
UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Saban tahun apabila tibanya bulan Disember, rata-rata media akan menyiarkan sorotan peristiwa ataupun berita popular yang telah menjadi perhatian untuk tahun berkenaan sebelum kehadiran tahun baharu. Pelbagai topik perbincangan yang pernah menjadi bualan dan perhatian umum akan mendasari pelaporan pada akhir tahun. Tak terkecuali juga dengan penglibatan aktif media yang menjadi tunjang dalam memelopori berita dalam tahun tersebut. Peranan dan fungsi media yang mampu untuk memberikan maklumat, sebagai medium mendidik, hebahan dan pemberitahuan serta alat untuk menghiburkan. Ianya menjadi lebih hangat dengan adanya integrasi antara media tradisional, elektronik dan media baharu dalam mewarnai industri persuratan tanah air. Inilah yang akan dihidangkan apabila hadirnya tahun baharu dan sememangnya media amat mempengaruhi kehidupan masyarakat sebagai penyampai yang aktif dan fungsian yang pelbagai.

Pada penulisan kali ini, topik yang hendak dibincangkan ialah mengenai nostalgia dan fenomena Drama Radio yang suatu masa dahulu popular sebagai medium penyampaian dan hebahan maklumat. Walaupun kini kita mempunyai pelbagai jenis dan saluran media yang berteraskan teknologi moden tetapi kita tidak boleh melupakan jasa dan peranan radio yang pernah menjadi tonggak kepada arus pemikiran masyarakat suatu ketika dahulu. Radio banyak memainkan peranan penting dalam pelbagai isu yang melibatkan masyarakat sama seperti medium lain yang ada pada hari ini. Ia bertindak dalam memelopori arus berita perdana, kupasan isu, sumber mendidik dan juga hiburan melalui program dan segmen yang tersendiri, dan salah satunya adalah melalui slot drama.

Secara umumnya, drama radio adalah platform kreatif yang bersandarkan audio sebagai perantara kepada masyarakat. Kandungannya sama seperti drama di televisyen tetapi keunikannya dalam persembahannya adalah sedikit berbeza. Kekuatannya adalah sangat bergantung kepada mesej yang cuba disampaikan. Maklumlah, pendengar tidak mampu dipengaruhi oleh gerak lakonan dan populariti pelakon tidak seperti drama di kaca TV. Pendengar juga tidak mudah dipengaruhi dengan kecantikan pemandangan atau lokasi yang sering mendasari jalan cerita drama TV. Cukup dengan keindahan bunyi alam sekeliling yang mampu memberi gambaran yang lengkap

seperti bunyi kesibukan kota mahupun keheningan suasana kampung dan desa. Inilah yang menjadikan drama radio.

Kupasan isu dan mesej menjadi agenda utama dalam konteks drama radio ketika zaman kegemilangannya di era 70an hingga awal 90an. Melalui drama radio, banyak isu-isu kemasyarakatan diangkat sebagai sumber pendidikan dan informasi kepada masyarakat. Nilai hiburan dan pendidikan diadun dengan jayanya dalam skrip drama radio yang dihasilkan. Mesej kemasyarakatan disantuni dan disambut baik oleh golongan pendengar. Isu-isu kekeluargaan, pengajaran dan panduan berguna, keharmonian masyarakat berbilang kaum, kepentingan ilmu pengetahuan dan pelbagai lagi nilai-nilai masyarakat timur diketengahkan dalam bentuk drama. Kombinasi hiburan dan pendidikan menjadikannya mudah menyerap dalam kalangan anggota masyarakat. Antara drama radio yang pernah popular suatu masa dahulu ialah seperti Kebun Pak Awang, Nombor 5 Persiaran 1, Fajar Di Bumi Permata, Setitik Peluh Segunung Intan, Enjit-enjit Semut dan pelbagai lagi yang berjaya mencipta sejarah dalam menyediakan drama terbaik untuk golongan pendengar.

Golongan pendengar bukan sahaja disajikan dengan ilmu pengetahuan melalui jalan cerita malah menguji daya pemikiran dan kematangan mereka dalam memahami mesej yang cuba disampaikan melalui olahan penulis skrip dan penerbit. Pendengar harus bijak dalam membuat telahan dan jangkaan kerana kefahaman pendengar tertumpu pada dialog dan lantunan alunan suara bagi menggambarkan emosi watak. Penglibatan pendengar harus secara aktif bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai sesuatu perkara. Tanpa bantuan visual, fokus dan kepekaan amat didambakan dalam membentuk pemahaman. Ternyata, masyarakat mampu untuk memahami dan menyelami setiap detik kupasan isu yang disiarkan.

Dari sudut produksi pula, pihak pengarah harus bijak menyajikan elemen-elemen sokongan bagi membentuk gambaran yang jelas kepada pendengar. Seperti contoh, penggunaan bunyi latar yang berkesan bagi menggambarkan peralihan babak ke babak. Ini memungkinkan untuk membawa penghayatan pendengar kepada sesuatu situasi dan persekitarannya. Pemilihan bunyi latar harus menyokong emosi watak bagi



menjelmakan kesan kepada khalayak pendengar. Peranan pelakon juga sangat dituntut bagi merealisasikan keberkesanan jalan cerita. Perbezaan suara antara pelakon, lantunan emosi, jangkakan suara sesuatu watak dan nada suara yang seiring dalam konteks keberadaan di sesuatu babak. Pengarahan juga harus menentukan kesan bunyi khas apabila melibatkan sesuatu pergerakan fizikal watak seperti contoh babak pergaduhan yang melibatkan pergerakan fizikal pelakon.

Sudah tentu drama radio berjaya memperkasa dan menerap ilmu pengetahuan dan nilai ketimuran secara

terancang dan teliti melalui pendekatan suara di corong radio. Kesedaran sosial dan ilmu pengetahuan dibentuk dengan cara kreatif dan berkesan. Walaupun kita telah maju dari sudut teknologi media, tetapi kita tidak boleh nafikan sumbangan drama radio dalam mendewasakan rakyat. Jangan sekali-kali kita lupa pengaruhnya dalam mendidik masyarakat dan mengangkat bahasa dan budaya Malaysia. Janganlah kita menjadi seperti kata pepatah iaitu sudah ada gading bertuah tanduk tidak berguna lagi. Suburkan dalam hati bahawa drama radio tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

# Puisi: Memartabat Bangsa, Menyantuni Rakyat



Oleh:

**Shahril Anuar Abdul Ghalim**

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan  
Pengajian Media (FKPM),  
UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Tahun baharu silih berganti  
Azam diikat jangkakan sendiri  
Media dirasa senantiasa diperhati  
Kehadapan dinanti dibelakang menghampiri

Walau yang datang indah terarah  
Yang pergi diingati tidak bergundah  
TV dan Radio menongkah sejarah  
Memertabatkan bangsa masih tak sudah

Teknologi pesat mencipta sangka  
Media Baharu hadir menggeggar  
Jika diimbau tak mudah dijangka  
Drama radio nostalgia pendengar

Watak diangkat dialog dibekal  
Usik mengusik terjemahan berkarya  
Keberkesanan teruji tidak disangkal  
Mendewasakan masyarakat norma budaya

Masihkah relevan lontaran soalan  
Generasi muda sasaran penjelasan  
Pengalaman dan ilmu tak lapuk ditelan  
Jawapan ringkas bersandarkan alasan

Sentuhan bakat garapan keunikan  
Pelapis didamba menyambung hayat  
Perpaduan masyarakat pertimbang didikan  
Drama radio menyantuni rakyat

# Keperibadian Pendakwah yang Memikat Hati



Oleh:

**Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah**  
Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.



**Normaisarah binti Othman**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.

Keperibadian pendakwah yang mampu memikat hati masyarakat adalah kunci utama dalam menyampaikan mesej agama dengan berkesan. Pendakwah bukan sahaja perlu mahir dalam ilmu agama, tetapi juga perlu memiliki keperibadian yang mulia. Keperibadian ini termasuk keikhlasan, kelembutan, kesabaran, keteladanan, dan keterbukaan.

**Keikhlasan** adalah kunci dalam dakwah, kerana pendakwah yang ikhlas menyampaikan mesej agama dengan penuh ketulusan tanpa mengharapkan balasan dari sesiapa. Niat ikhlas ini menjadikan dakwah mereka lebih mudah diterima oleh masyarakat, yang dapat merasakan ketulusan dan kejujuran pendakwah. Seperti yang dinyatakan dalam hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, *setiap amalan itu bergantung kepada niat.* Ini bermakna niat yang ikhlas merupakan syarat utama dalam menjadikan sesuatu amalan diterima sebagai ibadah di sisi Allah SWT.

Pendakwah yang ikhlas juga tidak terkesan dengan pujian atau kritikan. Mereka terus berdakwah dengan konsisten, walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan ujian. Keikhlasan menjaga hati mereka daripada terpengaruh dengan pandangan manusia kerana fokus utama adalah untuk mendapatkan redha Allah semata-mata. Dengan keperibadian ini, pendakwah yang ikhlas dapat berdakwah dengan tenang, tidak terbeban untuk menjaga imej diri, dan mampu mendekati masyarakat dengan lebih mesra.

Keikhlasan dalam berdakwah turut mendorong pendakwah untuk menimba ilmu agama dengan lebih mendalam, agar setiap mesej yang disampaikan benar-benar sahih dan berlandaskan dalil yang kukuh. Keperibadian ini juga memberi inspirasi kepada masyarakat, kerana pendakwah dilihat sebagai contoh yang konsisten dan berpegang teguh kepada nilai agama. Melalui ketulusan ini, pendakwah dapat menyentuh hati masyarakat dengan lebih berkesan sehingga menjadikan dakwah mereka satu usaha yang bernilai dan dihargai.

**Kelembutan** adalah keperibadian yang perlu ada dalam diri seorang pendakwah kerana ia mencerminkan kasih sayang dan rahmat yang tulus. Dengan keperibadian yang lembut, mesej dakwah akan lebih mudah diterima oleh masyarakat, kerana manusia secara semula jadi lebih tertarik kepada pendekatan yang penuh kasih dan empati. Pendakwah yang memiliki kelembutan dalam komunikasi mereka sering kali dihormati dan disukai, menjadikan mereka lebih berkesan dalam menyampaikan ajaran agama.

Allah SWT berfirman dalam Surah Ali Imran, ayat 159 yang bermaksud, *"Maka dengan sebab rahmat dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau berkeperibadian lemah-lembut kepada mereka..."* Ayat ini menekankan bahawa keperibadian lemah lembut itu adalah satu bentuk rahmat daripada Allah. Rasulullah SAW sendiri menonjolkan contoh yang terbaik dalam berdakwah dengan kelembutan. Keperibadian Baginda ini berjaya menarik hati ramai orang untuk mengenal Islam, kerana masyarakat melihat keindahan akhlak Rasulullah yang penuh kasih sayang.

Keperibadian lembut juga membantu pendakwah mendekati golongan yang mungkin skeptikal atau kurang faham tentang Islam tanpa membuat mereka berasa tersinggung atau terpaksa. Melalui kelembutan, pendakwah dapat menjalinkan hubungan yang baik dan membina kepercayaan dengan masyarakat serta menjadikan mereka lebih terbuka untuk mendengar dan menerima mesej yang disampaikan. Kelembutan dalam berdakwah bukan sekadar strategi komunikasi, tetapi satu keperibadian ikhlas yang mencerminkan sifat rahmah seorang pendakwah, menjadikan dakwah lebih bermakna dan berkesan dalam membimbing masyarakat ke arah kebaikan.

**Kesabaran** adalah keperibadian yang harus dimiliki oleh setiap pendakwah, terutama ketika berhadapan dengan pelbagai cabaran, tentangan, atau penolakan. Dalam berdakwah, tidak semua orang akan serta-merta menerima ajaran yang disampaikan, malah ada yang memberikan reaksi negatif. Namun, pendakwah yang sabar tetap berusaha menyampaikan mesej dengan cara yang bijak tanpa membiarkan penolakan mengurangkan semangat mereka. Keperibadian sabar ini membolehkan pendakwah mendekati masyarakat dengan pendekatan yang lebih tenang dan terbuka.

Allah SWT menekankan pentingnya keperibadian sabar dalam Surah al-Asr, ayat 3, yang bermaksud, *"Dan berpesan-pesanlah kamu dengan kebenaran dan berpesan-pesanlah dengan kesabaran."* Ayat ini mengingatkan kita bahawa menyampaikan kebenaran memerlukan ketekunan dan kesabaran, kerana dakwah bukanlah tugas yang mudah atau serta-merta menghasilkan perubahan. Ia adalah satu proses yang berterusan dan

memerlukan hati yang tabah untuk menghadapinya.

Kesabaran dalam berdakwah juga mengajar pendakwah untuk tidak mudah kecewa atau marah apabila mendapat tentangan. Sebaliknya, mereka akan terus konsisten menyampaikan mesej Islam dengan akhlak yang baik. Keperibadian ini akan memberi kesan positif kepada masyarakat, kerana mereka melihat contoh kecekalan dan komitmen pendakwah dalam menyampaikan kebenaran. Kesabaran bukan sekadar tanda kekuatan dalaman pendakwah, tetapi juga cerminan keikhlasan dan ketabahan hati, yang menjadikan dakwah mereka lebih tulus dan berkesan dalam membimbing masyarakat ke jalan yang benar.

**Keteladanan** adalah aspek dalam dakwah kerana ia memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat. Pendakwah yang menunjukkan akhlak mulia dan amalan baik dalam kehidupan seharian secara tidak langsung menjadi contoh yang nyata kepada orang ramai. Mereka bukan sekadar menyampaikan mesej melalui kata-kata, tetapi juga menunjukkan cara hidup Islam yang sebenar dalam tindakan harian mereka. Masyarakat lebih cenderung untuk menerima ajaran daripada seorang pendakwah yang mengamalkan apa yang disampaikan, kerana keteladanan memberikan bukti yang lebih kukuh daripada sekadar nasihat lisan.

Dalam Surah al-Ahzab, ayat 21, Allah SWT berfirman, *"Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah."* Ayat ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW adalah model terbaik bagi umat Islam dalam semua aspek kehidupan, termasuk dalam usaha berdakwah. Baginda bukan sahaja menyampaikan risalah Islam, tetapi juga mempraktikkan nilai-nilai Islam dengan penuh kesempurnaan dalam kehidupan seharian.

Keteladanan dalam berdakwah menjadikan mesej yang disampaikan lebih relevan dan praktikal kepada masyarakat. Dengan menunjukkan sifat sabar, jujur, dan penuh belas kasihan dalam amalan harian, pendakwah membuktikan bahawa ajaran Islam membawa nilai yang bermanfaat kepada kehidupan seharian. Keperibadian ini bukan sahaja menyentuh hati masyarakat tetapi juga mendorong mereka untuk mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan mereka sendiri, kerana mereka melihat sendiri manfaatnya melalui teladan yang diberikan oleh pendakwah. Keteladanan ini bukan sekadar alat komunikasi, tetapi satu bentuk dakwah yang menyentuh hati dan menanam keyakinan dalam diri masyarakat terhadap ajaran Islam.

**Keterbukaan** merupakan salah satu keperibadian utama yang perlu ada dalam diri seorang pendakwah. Keperibadian ini melibatkan kesediaan untuk mendengar pandangan, cadangan, dan perbezaan pendapat dari orang lain tanpa rasa prejudis. Dengan berkeperibadian terbuka, pendakwah menunjukkan bahawa mereka menghormati dan menghargai setiap individu, serta memahami bahawa dakwah adalah proses yang memerlukan dialog dan interaksi yang positif. Pendakwah yang terbuka lebih dihargai dan mudah didekati kerana masyarakat merasa diterima dan didengari, bukan sekadar menjadi pendengar pasif.

Dalam Surah al-Baqarah, ayat 256, Allah SWT berfirman, *"Tidak ada paksaan dalam (menganut) agama (Islam), sesungguhnya telah jelas (perbezaan) antara jalan yang benar dengan jalan yang sesat. Barang siapa ingkar kepada Taghut dan beriman kepada Allah, maka sungguh, dia telah berpegang (teguh) pada tali yang sangat kuat yang tidak akan putus. Allah Maha Mendengar, Maha Mengetahui."* Ayat ini menekankan bahawa dalam menyampaikan dakwah, paksaan tidak boleh digunakan. Sebaliknya, dakwah harus berlandaskan pendekatan yang bersifat mengajak dengan kasih sayang dan kebijaksanaan.

Keterbukaan pendakwah memberi ruang kepada individu untuk membuat pilihan dan menilai mesej yang disampaikan tanpa sebarang tekanan. Dengan menghormati kebebasan setiap individu untuk memahami dan menerima dakwah, pendakwah mencerminkan keindahan ajaran Islam yang memberikan ruang kepada setiap insan untuk memilih jalan kebenaran dengan penuh keikhlasan. Keperibadian ini bukan sahaja meningkatkan penghormatan masyarakat terhadap pendakwah tetapi juga menjadikan dakwah lebih efektif kerana ia mewujudkan suasana dialog yang konstruktif sehingga individu merasa bebas bertanya, berkongsi pandangan, dan berusaha memahami Islam dengan lebih mendalam.

Dengan memiliki keperibadian-keperibadian ini, pendakwah dapat menyentuh hati masyarakat dan menyampaikan mesej agama dengan lebih berkesan dan penuh hikmah.

#### Rujukan

- Ahmad, N. (2020). Personaliti pendakwah dalam menyantuni masyarakat non Muslim. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 12(2), 45-60.
- Ismail, R. (2019). Trait Personaliti Pendakwah Muslim: Satu Sorotan Literatur. *Jurnal Pengajian Islam*, 8(1), 258-270.



# Program Jelajah Mahabbah Madani **UiTM, MAINS & IKIMfm**



Oleh:  
**Dr Mohamad Redha bin Mohamad**  
Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Alhamdulillah telah selesai Program Jelajah Mahabbah Madani IKIMfm & MAINS di UiTM Kampus Rembau. Program ini adalah kerjasama pihak IKIMfm dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) bersama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan seperti persembahan nasyid dari kumpulan Mestica, kuiz, dan Usrah Khabar Orang Muda. Barisan DJ dari pihak IKIMfm juga turut bersama menyantuni warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Program diserikan dengan kehadiran tetamu dari pihak IKIM iaitu YBhg. Prof Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil (Ketua Pengarah IKIM), YBr. Tuan Haji Ahmad Fuad bin Mat Ali (Pengarah Pusat Media IKIM) dan YBr. Tuan Haji Abu Bakar bin Yang (Pengarah Wakaf IKIM). Manakala tetamu dari pihak MAINS diwakili oleh YBhg. Tuan Haji Mohamad Idris bin Ramli (Timbalan Setiausaha (Pengurusan) MAINS) dan YBr. Tuan Haji Azeerol Effendi Bin Abd Kadir (Pengarah Jabatan Perbendaharaan MAINS).

Program utama iaitu Usrah Khabar Orang Muda dipengerusikan oleh DJ Syafiq Salleh, Ustaz Zulramli sebagai naqib, Ustaz Norazman Amat (MAINS) dan Muhammad Izzulikhwan Idris (Presiden PDPH) sebagai ahli usrah.





# Bengkel Perancangan Strategik Program Plus Tahfiz



Oleh:  
**Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf**  
Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

**14 DISEMBER 2024, BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK PROGRAM PLUS TAHFIZ.** ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan (Plus Tahfiz) bersama Dekan ACIS (Prof Dr Mohd Afandi Mat Rani), Timbalan Dekan ACIS (Prof Dr S. Salahudin Suyurno), Prof Madya Dr Najahudin Lateh (Koordinator Plus Tahfiz) dan semua Penyelaras Program Plus Tahfiz di semua cawangan UiTM seluruh Malaysia hadir di Institute of Leadership & Development ILD Bandar Enstek, Negeri Sembilan berjaya menghasilkan Plus Tahfiz 2030 melalui Bengkel Perancangan Strategik Program Plus Tahfiz dari 13 sehingga 15 Disember 2024 (Jumaat sehingga Ahad).

Penyelaras Program Plus Tahfiz UiTM Cawangan Negeri Sembilan mengetuai pembinaan Plan Strategik Plus Tahfiz UiTM Seluruh Malaysia melalui Teras Strategik (Kesepaduan Program) untuk sesi pembentangan bersama dengan pengurusan ACIS dan Jawatankuasa Pelaksana Plus Tahfiz.

Beberapa isu berkaitan Program Plus Tahfiz UiTM Seluruh Malaysia dibincangkan dan beberapa pelan tindakan serta pengurusan risiko dicadangkan secara kolektif. Bengkel ini ditangguhkan dengan bacaan resolusi bengkel dan perasmian penutup oleh Prof Dekan ACIS UiTM.



# Bicara Santai: Realiti Industri Halal



Oleh:  
**Nurul Atikah Binti Poniran**  
Pensyarah Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

**18 Disember 2024**, satu program bertajuk Bicara Santai: Realiti Industri Halal telah berlangsung dengan jayanya di Pusat Islam, UiTM Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Program ini bermula pada jam 5:00 petang dan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar pra-diploma Pengajian Islam mengenai dunia industri halal.

Tiga panelis yang terlibat dalam program ini terdiri daripada pelajar Diploma Pengurusan Halal, yang telah berkongsi pengalaman mereka berkaitan industri halal. Perkongsian ini memberikan maklumat dan pandangan yang sangat berguna mengenai cabaran, peluang, serta realiti sebenar dalam bidang tersebut. Para panelis juga telah berkongsi pengalaman praktikal mereka sepanjang melibatkan diri dalam industri halal, yang pastinya memberi inspirasi kepada pelajar untuk terus berusaha dalam bidang ini.

Program ini turut menyediakan hidangan ringan kepada peserta, seperti yang dinyatakan dalam poster, dan kehadiran pelajar adalah diwajibkan. Sambutan daripada pelajar amat memberangsangkan, di mana mereka aktif bertanya soalan serta mengambil peluang untuk memahami lebih lanjut tentang pengurusan halal dan prospek kerjaya di masa hadapan.

Secara keseluruhannya, Bicara Santai: Realiti Industri Halal berjaya mencapai objektifnya untuk mendedahkan pelajar kepada peluang dan realiti sebenar industri halal, sekaligus meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya bidang ini dalam memenuhi keperluan syariah serta tuntutan masyarakat global.

